

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PERASMIAN KONVENSYEN BPR 1999
DI UNITEN, KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN
4 SEPTEMBER 1999

Terlebih dahulu marilah bersama-sama kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-nya, kita dapat berhimpun dalam Majlis Perasmian Konvensyen BPR 1999, yang merupakan konvensyen yang julung-julung kalinya diadakan.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Badan Pencegah Rasuah Malaysia kerana telah memberi penghormatan kepada saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya bagi merasmikan Konvensyen Badan Pencegah Rasuah Malaysia 1999. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada BPR dan seluruh warganya kerana telah berjaya menganjurkan konvensyen ini.

3. Saya percaya, konvensyen seumpama ini akan dapat memberi satu ruang baru kepada warga BPR seluruh negara untuk bertemu dan mengadakan perbincangan dalam satu suasana penuh harmoni. Di samping itu saya difahamkan beberapa pembentangan kertas kerja akan diadakan. Saya berpendapat langkah ini merupakan suatu pendekatan yang sangat baik untuk meningkatkan lagi tahap profesionalisme ke arah mencapai visi dan misi BPR dan kerajaan, khususnya bagi mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang bebas daripada jenayah rasuah.

4. Ke arah merealisasikan visi dan misi BPR untuk muncul sebagai sebuah agensi penguatkuasaan yang profesional dan terunggul di rantau ini, kerajaan akan sentiasa memberikan komitmen dan sokongan supaya usaha-usaha badan ini untuk membanteras rasuah hingga ke akar umbi akan tercapai. Iktizam dan kesungguhan ini adalah sesuai dengan wadah yang telah diterapkan dalam wawasan 2020, khususnya dalam cabaran keempat iaitu bagi "mewujudkan masyarakat Malaysia yang kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan serta didorong oleh tahap etika yang paling tinggi".

Tuan-tuan dan puan-puan

5. Sebagai sebuah negara yang merdeka, kita mestilah berupaya membangunkan negara kita sendiri. Namun begitu, gejala rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa boleh menggagalkan usaha murni negara. Atas sebab itulah selepas kemerdekaan negara usaha dari awal lagi telah diambil bagi memastikan jenayah rasuah tidak menular dalam sistem pentadbiran negara dan menjadi budaya masyarakat. Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah ditubuhkan dalam tahun 1967 bertujuan untuk menjalankan siasatan ke atas kes-kes rasuah, penyelewengan dan pengalagunaan kuasa.

6. Berdasarkan perkembangan dan kemajuan yang dicapai, peranan dan tanggungjawab BPR turut diperluaskan. Dari sebuah agensi yang pada awalnya hanya menumpukan kepada aktiviti penguatkuasaan undang-undang, agensi ini juga telah dipertanggungjawabkan dalam usaha-usaha pencegahan iaitu bagi mendidik masyarakat supaya membenci jenayah rasuah. Aktiviti ini telah mendapat perhatian sejak awal 1980an lagi. Penekanan terhadap program dan aktiviti

pencegahan rasuah dibuat kerana didapati usaha-usaha membendung rasuah secara lebih berkesan hanya akan tercapai apabila terdapat perubahan sikap masyarakat terhadap rasuah.

7. Sekiranya masyarakat menganggap rasuah sebagai masalah yang kecil sahaja, maka sudah tentu tahap kerjasama mereka terhadap usaha membanteras rasuah akan rendah. Sebaliknya, dengan mendidik masyarakat terhadap implikasi buruk jenayah rasuah, penyelewengan dan pengalagunaan kuasa, maka kesedaran dan keinsafan terhadap gejala buruk rasuah ini akan menimbulkan kebencian mereka terhadap rasuah dan insyaallah mereka akan memberikan komitmen yang tinggi dan padu ke arah menghapuskan rasuah yang diketahui boleh merosakkan kehidupan, memusnahkan kesejahteraan dan meruntuhkan peradaban manusia dan negara.

8. Pada tahun 1990an, skop dan peranan BPR terus berkembang dan menjadi semakin luas. Dengan penguatkuasaan Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan Pelancaran Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 1998 telah mengembangkan lagi skop BPR untuk menutup ruang dan peluang rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Di samping itu, peranan BPR sebagai urusetia bersama Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) telah meletakkan BPR terlibat secara langsung ke arah usaha-usaha memantapkan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran perkhidmatan awam khususnya dan kerajaan amnya.

9. Sebagai pegawai dan warga Badan Pencegah Rasuah yang dipertanggungjawabkan dengan tugas yang sangat mencabar dan penuh dugaan ini, pegawai-pegawai BPR mestilah memiliki sifat adil, jujur dan ikhlas semasa melaksanakan tugas dan amanah ini. Moto BPR iaitu adil, tegas, dan amanah melambangkan semangat dan nilai yang perlu dimiliki. Tindak-tanduk pegawai BPR sentiasa menjadi perhatian rakyat. Pengamalan sifat-sifat ini akan menjadikan BPR sebagai sebuah agensi pembanteras jenayah rasuah yang profesional dan dihormati.

10. Warga BPR perlu menunjukkan contoh tatakelakuan dan tata tertib seorang pegawai kerajaan yang baik dan sentiasa mengamalkan sifat-sifat yang murni sepanjang masa. Pegawai BPR yang beretika tinggi akan dapat melaksanakan tugas tanpa fear of favour atau tanpa takut dan pilih kasih. Sebaliknya mereka akan sentiasa mengikut peraturan serta lulus undang-undang negara dalam setiap tindakannya.

11. Walaupun BPR diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, tetapi itu hanyalah dari aspek pentadbiran sahaja. Kerajaan memberikan kebebasan penuh untuk BPR menjalankan tugas dan peranannya. Sehubungan dengan itu, bagi melaksanakan tugas seharian, tuan-tuan dan puan-puan mestilah berupaya mempertahankan kebebasan yang diberikan di samping sentiasa mempertingkatkan tahap profesionalisme fungsi dan tanggungjawab yang dipikul.

12. Pegawai BPR yang profesional menjalankan tugas tanpa melibatkan perasaan peribadinya. Ada kalanya tuan-tuan dan puan-puan mungkin berhadapan dengan tindakan penyiasatan terhadap seseorang yang dikenali. Tetapi semasa menjalankan tugas, tuan-tuan dan puan-puan perlulah mengasingkan pandangan peribadi, sebaliknya mestilah mendahulukan tugas yang diamanahkan. Segala tindak tanduk tuan-tuan dan puan-puan perlulah berasaskan kepada undang-undang dan peraturan yang ada.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Sejak beberapa tahun kebelakangan, beberapa kajian telah dibuat oleh badan bukan kerajaan di peringkat antarabangsa. Satu kajian awal yang dibuat oleh Dr. Johann Graf Lambsdorff, orang yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan Transparency International Corruption Perception Index mendapati bahawa, pelabur-pelabur dari Malaysia merupakan pelabur-pelabur yang paling tidak bersedia untuk menawarkan apa-apa rasuah bagi mendapatkan kontrak atau perolehan di negara luar. Ini bermakna, pelabur-pelabur negara ini digambarkan sebagai mereka yang menjalankan urusan niaga dan perniagaan di luar negara dengan kurang melibatkan unsur-unsur sogokan dan sebagainya berbanding dengan pelabur-pelabur negara luar.

14. Walaupun penemuan ini memberi gambaran yang amat positif kepada Malaysia, perkara ini tidak sedikit pun dihebahkan oleh mereka yang kononnya pejuang masalah rasuah di negara ini. Oleh itu saya berpendapat, adalah baik sekiranya kita sendiri membuat kajian persepsi ke atas tahap jenayah rasuah yang berlaku dalam negara dengan mengadakan kajian kita sendiri. Kajian ini sebenarnya juga merupakan satu strategi supaya kita dapat mengetahui, sejauhmana keadaan rasuah dan ruang-ruang perlakuan rasuah yang wujud, bagi kita memperbaiki kelemahan-kelemahan dan berusaha membanterasnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Tidak berapa lama lagi kita akan memasuki tahun 2000. Sama ada kita mahu atau tidak, dan sama ada kita bersedia atau sebaliknya, kita akan menempuh permulaan alaf baru dengan detik pepijat alaf baru, atau Y2K bug. Masa bergerak begitu pantas, begitu juga sikap dan perlakuan manusia berubah mengikut peredaran masa dan zaman. Era Teknologi Maklumat yang serba canggih menjadikan dunia tanpa sempadan, dan wujudnya sistem komunikasi yang lebih canggih, efisien dan efektif. Di sebalik alaf baru yang mendatang, kita akan berhadapan dengan perlakuan jenayah rasuah yang semakin rumit dan canggih. Oleh yang demikian adalah merupakan satu cabaran yang lebih besar bagi BPR dan kerajaan bagi berusaha dengan strategi atau pendekatan yang lebih efektif dan efisien, bersesuaian dengan perubahan tersebut. Peralatan yang digunakan perlulah lebih canggih, ilmu dan kepakaran serta tahap profesionalisme pegawai perlu dipertingkatkan secara berterusan.

16. Justeru itu, bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan membasmi dan memerangi segala bentuk jenayah dan perlakuan yang tidak beretika, kerajaan berpendapat bahawa, masalah ini bukanlah tugas dan tanggungjawab BPR sahaja. Sebaliknya ianya perlu ditangani secara menyeluruh, bersepadu dan terancang. Kerajaan dengan tegas meminta semua pihak termasuklah, ketua-ketua perkhidmatan dan ketua-ketua jabatan kerajaan, ahli-ahli politik, kepimpinan pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta, serta semua lapisan masyarakat, perlulah menggembeling usaha dan tenaga bagi memerangi jenayah rasuah yang menjijikkan ini. Ianya juga perlu merangkumi bukan sahaja aspek pencegahan rasuah, tetapi juga aspek kecekapan, ketelusan, integriti dan akauntabiliti dalam pentadbiran kerajaan.

17. Komitmen masyarakat berupaya membawa perubahan dalam usaha menghapuskan jenayah rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa, mencegah ketidakadilan, dan membasmi ketidakcekapan. Komitmen ini merupakan faktor

penentu utama kejayaan atau the critical success factor ke arah menjadikan suatu masyarakat yang bebas daripada rasuah, dan menjana kejayaan melahirkan suatu masyarakat Malaysia yang beretika tinggi dan bermaruah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

18. Adalah menjadi harapan saya agar konvensyen yang akan diadakan dari 3 hingga 7 september 1999 ini menjadi majlis ilmu yang bermanfaat kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Di samping dapat memantap dan mengukuhkan lagi hubungan yang sedia wujud antara warga jabatan, ia juga sekali gus akan dapat melicinkan lagi usaha kerajaan untuk mencapai objektif menghapuskan sebarang bentuk rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di negara ini.

19. Dengan harapan itu, dan dengan lafaz bismillahhirrahmannirrahim, saya dengan ini merasmikan konvensyen Badan Pencegah Rasuah tahun 1999.

Terima kasih.